

PERANAN KOMUNITI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB ABAD KE 21

Norfaezah Mohd Hamidin
norfaezah@kuis.edu.my

Wazzainab Ismail
wazzainab@kuis.edu.my

*Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan
Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan peranan komuniti terhadap pembelajaran bahasa Arab Abad ke 21. Cabaran masa kini dalam pembelajaran bahasa Arab dilihat memerlukan penglibatan seluruh komuniti yang terdiri daripada ibubapa, guru, masyarakat dan Negara. Komuniti berperanan besar dalam menjayakan usaha pendidikan bahasa Arab dan pendidikan Islam pada abad ke 21. Perubahan gaya hidup masyarakat kini yang terasing daripada nilai-nilai kemasyarakatan perlu dirungkai dalam menjayakan pembinaan masyarakat yang sejahtera melalui sistem pendidikan negara yang telah terbina berkurun lamanya. Namun, apakah peranan yang perlu dimainkan oleh semua lapisan masyarakat kita ke arah pembelajaran bahasa Arab Abad ke 21 yang merupakan teras penting untuk menjadikan masyarakat cintakan kepada pendidikan Islam melalui bahasa Arab. Banyak cadangan dalam kertas-kertas kerja sebelum ini tentang peranan ibubapa untuk membantu guru-guru dalam menjayakan pendidikan anak-anak mereka di sekolah. Namun, sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh mereka untuk kejayaan anak-anak mereka. Oleh itu, kertas kerja ini cuba menghuraikan setiap peranan komuniti yang perlu digariskan dan diikuti ke arah kejayaan pembelajaran bahasa Arab Abad ke 21 dalam Negara Malaysia.

Kata kunci: *Komuniti, Pembelajaran Bahasa Arab, Abad 21*

PENDAHULUAN

Erti Komuniti

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, Komuniti (keseluruhan) bermaksud orang yang tinggal di sesuatu tempat, daerah, Negara dan sebagainya (di bawah satu pemerintahan); masyarakat keseluruhannya; orang ramai. Makna kedua tempat yang didiami oleh sesuatu masyarakat.

Komuniti yang terlibat dalam pembelajaran bahasa Arab secara langsung ialah bermula dari peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), disusuli oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI) di KPM. Kemudian, Institut Pendidikan Guru (IPG) yang memainkan peranan penting dalam kesediaan pelajar untuk menjadi guru sebagai pemacu kejayaan pembelajaran bahasa Arab pada abad ke 21. Di sekolah pula, guru memainkan peranan penting dalam menjayakan segala pelaksanaan yang telah dirangka di peringkat tertinggi untuk kejayaan sesuatu kurikulum yang digubal. Tanpa guru yang berwibawa, maka pincanglah segala perancangan yang telah diatur. Ibubapa pula memainkan peranan penting ketika di rumah bersama anak-anak mereka. Anak-anak mereka terdidik secara tidak langsung melalui persekitaran di rumah. Maka, bahasa Arab boleh berkembang dengan baik sekiranya ibubapa mempunyai asas dalam bahasa Arab. Masyarakat pula terdiri daripada jiran-jiran tetangga yang terdekat dan membentuk persekitaran yang boleh membantu pembelajaran bahasa Arab. Pelajar adalah golongan yang menerima tarbiah ilmu untuk keperluan masa hadapan.

PEMBELAJARAN BAHASA ARAB ABAD KE 21

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dan berusaha untuk menjayakan usaha tersebut. Bersesuaian dengan matlamat dan zaman, KPM telah melaksanakan **pembelajaran abad ke-21 (PAK21)** bermula pada tahun 2014.

Kini, PAK21 telah menjadi satu isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. [PAK21](#) dikatakan sebagai proses **pembelajaran yang berpusatkan kepada murid**. Manakaladalam situasi ini, guru pula bertindak sebagai pemudahcara kepada murid. Antara ciri-ciri yang harus dimiliki oleh guru PAK21 ialah menguasai kemahiran terkinidalam PAK21. Guru Bahasa Arab Abad 21 perlu menguasai subjek, pedagogi, kemahiran literasi maklumat seperti ICT untuk mencari maklumat dalam meningkatkan PDP, seterusnya

menghasilkan pembelajaran berkesan dan bermakna kepada murid. Konsep pembelajaran juga adalah sepanjang hayat (Long life learning), berinovasi, peka dengan perubahan iklim pembelajaran abad 21 dan boleh menerima perubahan.

Antara ciri-ciri pelajar PAK21 pula bersandarkan kepada pembelajaran aktif. Murid lebih banyak berkomunikasi berbanding guru. Murid juga membantu guru menentukan hasil pembelajaran, murid belajar menyelesaikan masalah secara berkumpulan, perbincangan dua hala antara murid dan guru, dan seterusnya guru bertindak sebagai fasilitator dalam pengajaran dan pembelajaran.

ELEMEN PAK21

Terdapat beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21.

Elemen 1: Komunikasi

Secara umumnya, komunikasi merupakan suatu proses pertukaran maklumat daripada individu kepada individu yang lain. Dalam konteks pendidikan, komunikasi merujuk kepada perbualan yang berlaku di antara guru dan murid atau murid dan murid untuk berkongsi ilmu yang difahami bersama rakan-rakan lain. Ini yang dikatakan sebagai komunikasi berpusatkan murid. Namun begitu, jika guru tidak memainkan peranannya dengan baik, komunikasi yang berkesan tidak akan terhasil semasa proses pembelajaran berlangsung.

Sebagai contoh, guru ingin mewujudkan komunikasi dua hala dalam kalangan murid-muridnya melalui pembentangan mengenai tajuk yang diberi dan meminta murid-murid untuk berbincang di dalam kumpulan masing-masing sebelum memulakan pembentangan di hadapan kelas. Pada masa yang sama, guru juga perlu memainkan peranannya sebagai fasilitator kepada muridnya. Guru hendaklah memantau cara penyampaian murid-muridnya supaya pembentangan tersebut menjadi pembentangan yang berkesan serta dapat memberikan maklumat yang berkualiti kepada murid lain.

Bagi pembangunan diri murid itu sendiri, guru boleh memberi komen yang membina dari segi penggunaan bahasa badan, nada suara, tulisan, cara bertanya kepada rakan-rakan lain, cara menjawab soalan yang diaju, cara memberi maklum balas jika rakan bertanya soalan yang tidak dijangka dan sebagainya.

Oleh yang demikian, murid-murid dapat membina keyakinan diri semasa berinteraksi bersama rakan-rakan lain kerana mereka mampu mendengar dan memberi maklum balas, mampu untuk memberi penerangan yang jelas dan ringkas, memahami kaedah-kaedah untuk menyampaikan maklumat dan juga mereka akan berasa lebih terbuka jika diminta untuk mengulas sebarang topik.

Elemen 2: Kolaboratif

Kolaboratif merujuk kepada sesuatu yang dilakukan secara bersama-sama atau berkumpulan. Kolaboratif dalam dunia pendidikan pula adalah kerjasama yang wujud antara guru dan murid atau murid dan murid secara aktif dan menyeluruh, di mana, ia melibatkan pertukaran idea, pendapat atau pengetahuan antara murid-murid. Bagi elemen ini, guru perlu memahami gaya pembelajaran muridnya.

Terdapat murid yang tidak suka membuat tugas secara berkumpulan disebabkan beberapa faktor. Seseengah murid tidak selesa membuat perbincangan bersama rakan-rakan kerana ideanya seringkali dipandang sepi oleh ahli kumpulannya, di samping hubungan antara ahli kumpulan yang tidak begitu mesra antara satu sama lain.

Oleh itu, guru perlu menarik perhatian mereka supaya tugas berkumpulan kelihatan lebih seronok pada pandangan mereka. Ada seseengah murid pula seronok jika diberi tugas berkumpulan kerana mereka tidak perlu mengerah otak untuk memikirkan idea-idea yang bernas, sebaliknya dibiarkan rakan-rakan sahaja menyelesaikan tugas yang diberi.

Dalam hal ini, guru bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah-masalah sebegini kerana jika elemen ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, ia dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan pencapaian mereka dari masa ke masa.

Sekiranya wujud suasana kelas yang kolaboratif, maka, ia akan membawa kepada metakognitif, iaitu kesedaran murid-murid tentang perkara yang diketahui dan tidak diketahui semasa proses pembelajarannya. Melalui kolaborasi, guru boleh menerapkan beberapa nilai positif dalam diri murid itu sendiri, seperti bertanggungjawab terhadap tugas dalam kumpulan, penglibatan aktif atau seimbang, bersikap terbuka untuk menerima idea dan pandangan rakan-rakan lain serta mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan mereka. Jadi, guru adalah insan yang paling sesuai untuk melakukan sesuatu perkara dalam memancing emosi dan perhatian murid-muridnya.

Elemen 3: Pemikiran Kritis

Ada sesetengah pihak seringkali keliru dengan istilah pemikiran kritis dan kreatif. Ia merupakan dua istilah yang berbeza. Secara amnya, pemikiran kritis merujuk kepada keupayaan individu untuk membuat penilaian mengenai sesuatu perkara, termasuk kebaikan dan kelemahannya. Dari sudut pendidikan, pemikiran kritis berlaku apabila murid-murid mula meneroka pemikiran mereka untuk menilai idea-idea yang diterima secara rasional dan membuat pertimbangan mengenai idea tersebut melalui penggunaan alasan-alasan yang wajar.

Pemikiran kritis boleh terhasil dengan berkesan melalui beberapa cara, seperti penggunaan sumber yang meluas. Sumber yang meluas merujuk kepada maklumat yang diperolehi oleh murid-murid. Oleh itu, guru perlu memantau samaada maklumat yang dicari oleh murid bersesuaian dengan topik pembelajaran ataupun tidak. Guru juga perlu memastikan muridnya mahir untuk mencari maklumat yang berkaitan dan menilai samaada maklumat yang diperolehi itu cukup atau tidak untuk melaksanakan tugas yang diberi.

Kemudian, pemikiran kritis yang berkesan boleh terhasil sekiranya guru tidak mengehendkan idea dan pendapat murid-muridnya. Di dalam kelas abad ke 21, guru seharusnya menggalakkan murid untuk memberi pandangan tentang sesuatu topik yang sedang dibincang. Pandangan yang tidak tersasar daripada topik perbincangan harus diterima oleh guru supaya murid-murid berasa selesa dan seronok untuk mengutarakan idea-idea mereka.

Dari situ, guru boleh menilai tahap pemikiran muridnya terhadap sesuatu perkara. Adakah mereka melihat sesuatu perkara daripada sudut yang berbeza? Jika ya, ini bermakna murid tersebut telah berfikir secara kritis.

Seterusnya, guru juga boleh menerapkan elemen perbincangan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) berlangsung. Bagi memulakan sesi PDP, guru perlu meminta murid untuk memberikan idea atau pandangan mengenai tajuk pembelajaran pada hari tersebut. Idea yang diberi tidak perlu dibincangkan, tetapi, guru perlu bertanya kepada murid mengapa idea tersebut yang diberi.

Guru juga perlu memberi galakan kepada murid-murid lain untuk membahas idea tersebut supaya mereka dapat menjana pelbagai pandangan dan pengetahuan.

Oleh yang demikian, elemen pemikiran kritis berjaya diterapkan dalam diri murid-murid melalui sesi PDP yang dilaksanakan oleh guru. Ia berlaku hanya dengan penerapan beberapa perkara penting, seperti memiliki maklumat yang sesuai berdasarkan tajuk, mempunyai sikap ingin tahu dan bersedia untuk meneroka sesuatu

topik melalui pembacaan, soal jawab bersama guru dan rakan serta melaksanakan aktiviti *hands-on* bagi mendapatkan sesuatu maklumat, di samping mampu membuat sesuatu keputusan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperoleh dan berupaya untuk mempertahankan keputusan tersebut dengan menggunakan bukti-bukti yang berasas.

Murid yang berfikiran kritis adalah murid yang berfikiran terbuka, di mana, mereka mudah untuk menerima pandangan atau idea yang dikemukakan oleh rakan-rakan lain serta tidak merendah-rendahkan idea yang diterima. Dengan ini, guru-guru perlu mengenali setiap muridnya supaya elemen ini lebih mudah diterapkan semasa PDP berlangsung.

Elemen 4: Kreativiti

Kreativiti merujuk kepada sesuatu proses yang berlaku, di mana, ia melibatkan penghasilan sesuatu yang baru, berguna dan juga berkualiti. Elemen ini juga merupakan salah satu elemen yang penting untuk diterapkan dalam diri murid. Hal ini demikian kerana kreativiti bersifat meluas yang melibatkan sesuatu projek dan juga pemikiran murid itu sendiri. Mereka perlu berfikir di luar kotak untuk menghasilkan sesuatu ciptaan yang baru dan berguna.

Dalam kelas abad ke 21, guru boleh meminta muridnya untuk menghasilkan sesuatu produk yang unik, iaitu produk yang lain daripada produk sedia ada. Perkara ini amat bersesuaian dengan [ciri-ciri kelas abad ke 21](#), iaitu pembelajaran berpusatkan murid. Walau bagaimanapun, murid-murid masih memerlukan bimbingan daripada seorang guru. Guru perlu menilai samaada produk yang dihasilkan oleh murid adalah sebuah produk yang baru atau sedia ada, di samping meneliti keunikan dan keaslian produk itu sendiri. Komen-komen yang praktikal perlu diberi supaya murid dapat membuat penambahbaikan terhadap produk ciptaannya.

Selain itu, guru perlu meminta murid untuk memberi penerangan tentang produk yang dihasilkan. Dari situ, guru boleh menilai samaada murid tersebut mampu memberi hujah-hujah yang kukuh atau tidak dalam mempertahankan keistimewaan produk ciptaannya. Di sini, guru boleh menerapkan unsur pemikiran kritis dengan meminta murid-murid lain untuk turut memberi pandangan dan idea bagi tujuan penambahbaikan terhadap produk tersebut. Oleh yang demikian, setiap murid dapat menjana pelbagai idea daripada rakan-rakan mereka sendiri.

Guru hanya perlu membimbing muridnya untuk berfikir mengenai sesuatu perkara daripada pelbagai sudut. Dengan itu, hasil sesi PDP yang dilaksanakan oleh guru akan menghasilkan murid-murid yang berani mengambil risiko, seperti berani untuk mengemukakan idea tanpa merasa bimbang terhadap kritikan yang bakal diterima, di samping berupaya untuk berpandangan jauh tentang sesuatu perkara.

Elemen 5: Nilai Murni dan Etika

Nilai murni boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku yang baik, beradab dan menjaga tatasusila, manakala, etika pula merujuk kepada keperibadian atau perwatakan seseorang. Dalam dunia pendidikan, elemen ini amat penting untuk diterapkan dalam diri murid-murid supaya ia dapat membentuk jati diri yang tinggi. Guru merupakan insan yang paling rapat dengan murid ketika mereka berada di sekolah. Oleh itu, guru seharusnya berusaha untuk menerapkan nilai-nilai yang positif dalam diri murid-murid semasa sesi PDP berlangsung.

Ketika sesi PDP, guru boleh meminta murid untuk menyatakan nilai murni yang bersesuaian dengan topik pembelajaran pada hari tersebut. Kemudian, guru perlu menilai samaada murid tersebut memahami nilai murni yang dinyatakan ataupun tidak. Jika mereka memahami nilai murni tersebut, guru perlu melihat pula dari segi kelakuannya. Adakah mereka tahu cara-cara untuk menerapkan nilai-nilai murni itu dalam tingkah laku mereka? Di sini, guru memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik murid-murid untuk sentiasa berkelakuan sopan.

Terdapat sesetengah murid yang suka untuk merendah-rendahkan rakan-rakan yang mengamalkan nilai-nilai murni. Namun begitu, jika guru berupaya untuk mengubah persepsi mereka terhadap nilai murni, maka, terhasillah seorang murid yang beretika dan berkelakuan baik. Guru perlu meminta mereka untuk memberi pandangan tentang nilai-nilai murni dan etika yang harus diterapkan dalam diri mereka, dari segi kesan amalan nilai tersebut terhadap diri, masyarakat, agama dan juga negara.


Guru juga boleh memberi penghargaan kepada murid yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai yang dipelajari semasa sesi PDP. Perkara ini boleh menjadi satu galakan kepada murid-murid lain untuk bersama-sama mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, guru perlu kreatif dan kritis dalam mendidik murid-murid untuk menjadikan mereka seorang insan yang berguna dan berkualiti setelah tamat alam persekolahan kelak.

Kelas abad ke-21 ini amat sesuai dilaksanakan kerana ia banyak memberi impak-impak yang positif dalam diri murid. Dengan wujudnya kelas abad ke-21 ini, murid-murid akan dilatih untuk memiliki kemahiran yang boleh digunakan pada masa akan datang, seperti kemahiran komunikasi yang baik, mampu berkolaborasi dan menyelesaikan masalah berdasarkan realiti kehidupan. Selain itu, murid juga bersedia untuk menghadapi peperiksaan, di mana peperiksaan kini diterapkan dengan unsur-unsur [kemahiran berfikir aras tinggi \(KBAT\)](#).

Ia tidak menjadi masalah bagi murid itu sendiri kerana pemikiran mereka sentiasa dicabar semasa sesi PDP di dalam kelas. Kelas abad ke-21 juga membantu murid untuk bersedia ke alam pekerjaan. Majikan kini amat mementingkan beberapa aspek, seperti kemahiran komunikasi, mampu menyelesaikan masalah serta berfikiran kritis dan kreatif bagi membolehkan individu yang ditemuduga diterima bekerja di syarikat mereka. Impak-impak ini dilihat dapat memberi kesan positif terhadap diri murid itu sendiri, sekolah dan juga negara, seiring dengan hasrat untuk menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai pendidikan yang bertaraf dunia.

KONSEP KAJIAN

Kajian ini telah mengambil konsep yang diasaskan dalam kajian Norfaezah Mohd Hamidin (2016) iaitu Konsep Pembelajaran dan Persekitaran Sosial atau *Concept of Learning & Social Environment* (CLSE) dalam menjayakan PDP bahasa Arab di Malaysia.



Rajah 1: Konsep Pembelajaran dan Persekitaran Sosial

PERANAN KOMUNITI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB ABAD KE 21

Peranan Pelajar & Guru Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Abad Ke 21

Pelajar dan guru perlu berkomunikasi secara dua hala semasa PDP dilaksanakan. Guru tidak perlu menerangkan sesuatu subjek begitu lama tetapi mengambil pendekatan dengan pelajar melalui soal jawab atau latihan tubi. Ini memerlukan kerjasama kedua-dua pihak samada pelajar atau guru kelas. Guru perlu memberi rangsangan kepada pelajar sehingga pelajar boleh bercakap dengan guru semasa pembelajaran bahasa Arab. Aktiviti kelas juga perlu berasaskan projek bahasa, bukan lagi berfokus kepada peperiksaan semata-mata. Melalui projek bahasa, ia akan meningkatkan daya kreativiti dan inovasi pelajar untuk menyelesaikan tugas tersebut. Guru juga perlu menjadi *role model* yang baik dalam menanamkan nilai-nilai murni kepadapelajar atau disebut *dakwah bil hal*. Dalam sesi PDP, guru bahasa Arab perlu menggunakan kaedah pengajaran “*mencari tersirat dalam tersurat*”. Bahasa Arab memerlukan daya fikir yang tinggi untuk memahami isi kandungan. Jika pelajar malas berfikir, bermakna pelajar juga gagal untuk memahami subjek bahasa Arab. Di sini, guru perlu menggunakan teknik soal jawab yang boleh membawa pelajar untuk berfikir. Secara tak langsung, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat dicapai. Sebagai contoh dalam Bahasa Arab, pelajar mempelajari tentang *wazan* tertentu. *Wazan* yang berubah boleh mengubah makna perkataan tersebut. Seperti perkataan Hasan bermaksud baik, tetapi apabila ditambah ‘s’ pada perkataan Hassan, perkataan tersebut membawa maksud sangat baik. Guru perlu menggunakan kemahiran yang ada padanya untuk mendekati pelajar kepada pemahaman yang lebih mudah terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Peranan Sekolah Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Abad Ke 21

Sekolah juga berperanan dalam meningkatkan kreativiti pembelajaran bahasa Arab Abad Ke 21 dengan menghiasi sekolah dengan kata-kata atau uslub bahasa Arab menggunakan kreativiti yang menarik. Sebagai contoh dengan menconteng dinding sekolah dengan *kalam Arabiy* atau menggantung perkataan Arab sepanjang koridor sekolah. Ini akan menjadi daya tarikan pelajar untuk belajar bahasa Arab melalui persekitaran. Pondok-pondok atau pesantren di Indonesia banyak menggunakan kaedah seperti ini dengan memaparkan kalimah-kalimah Arab di dalam persekitaran sekolah untuk pelajar mudah mengingat apa yang telah dipelajari melalui ulangkaji semula dengan papan-papan tanda yang menghiasi persekitaran sekolah.

Peranan Ibubapa Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Abad Ke 21

Di rumah, ibubapa boleh memainkan peranan berkomunikasi dengan anak-anak dalam dialog bahasa Arab mudah. Norfaezah (2016) mengatakan ibubapa perlu menanamkan nilai-nilai murni kepada anak-anak melalui perkataan bahasa Arab yang membawa nilai adab. Sebagai contoh menggunakan Hayya () حي ketika mengajak anak untuk bersolat atau In Shaa Allah (إن شاء الله) ketika berjanji dengan anak.

Peranan Masyarakat Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Abad Ke 21

Selain, pelajar dan guru di dalam kelas, sekolah yang membantu melalui iklim sekolah, ibubapa yang berada di rumah bersama anak-anak, masyarakat juga boleh menyumbang ke arah kejayaan pembelajaran bahasa Arab Abad Ke 21. Antara melalui aspek kolaboratif dengan menganjurkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong bersama penduduk setempat dapat mengeratkan silaturrahim dan bertanya khabar sesama mereka boleh juga diselitkan unsur-unsur bahasa Arab. Selain itu, aktiviti bersukan pada hujung minggu dapat juga mengeratkan ukhuwwah di samping pembelajaran bahasa Arab secara tidak langsung. Di samping itu, dengan mengadakan perkhemahan bahasa Arab untuk masyarakat setempat atau aktiviti daki bukit, rehlah Arab boleh membantu dan mendekatkan masyarakat cintakan alam dan diselit dengan pembelajaran bahasa Arab secara tidak langsung.

RUJUKAN

- Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Norsyaidah Bahari.(2014). *Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab di KUIS*. 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education (ICIED2014). Kota Bharu, Kelantan.
- Awatif Abdul Rahman, Siti Nurhajariah Md Isa, Norfaezah Mohd Hamidin, Idi Hamdi.(2017). *Pendidikan Bahasa Arab Di Peringkat Prasekolah: Satu Tinjauan Awal*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK2017). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Harun Baharudin, [Nurazizah Maarup](#). (2016). Pengajaran Dan Pembelajaran Koperatif Abad Ke 21 Ismal-'Adad Wa Al-Ma'dud Di Sekolah Menengah. Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016 (Kobar '16).
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, Aliff Nawawi. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah Di Negara Brunei Darussalam. *The Online Journal of Islamic Education O-Jie*. January 2015. Vol.3(1).
- Mohd Salleh Bin Mahat.(2004). Perkongsian Dalam Pendidikan-Fokus Di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*. Jilid 5.

- Mohd Zuhir Bin Abd Rahman, Mohd Azidan Bin Abdul Jabar.(2014).Pengaruh Budaya Tempatan Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah. *Procedia - Social And Behavioral Sciences*.134. 373 – 381.ICLALIS2013.
- Mohd Syarifudin Bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain. (2017).Konsep Komuniti Dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya(The Concept of Community and Its Development: A Critical Review Towards Its Application). *E- Bangi Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 12(3).022 ISSN: 1823-884x. UKM.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Gary M. Crow. (2013).Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.Julai 2013. Bil.1(3).
- Nazri Atoh,Saipolbarin Bin Hj. Ramli, Mohd. Zawawi Ag Hamat. (2014). Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal.Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab,Fakulti Pengajian Islam, UKM& Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA.ISBN978-967-5478-78-9.
- Norfaezah Mohd Hamidin. (2016). *Persepsi Pelajar, Guru Dan Iubapa Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di SMKA*. Tesis Phd. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Norfaezah Mohd Hamidin. (2015). *Penggunaan Ayat Suruhan Dan Ayat Larangan Al-Quran Sebagai Bahasa Komunikasi Di Taska@Tadika*.Wacana Peradaban & Pemikiran Islam. KUIS:Pusat Pengajian Teras.
- Zawawi Ismailab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia.*Gema Online™ Journal Of Language Studies*. May 2011.Volume 11(2).ISSN: 1675-8021.
- Zuraidah Abduliah, Prof. Datin Dr. Rahimah Hj AhmadKomuniti.*Pembelajaran Profesional: Satu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Anugerah Cemerlang 2007*.
- <https://Www.Pendidik2u.My/Pembelajaran-Abad-Ke-21-Pak21/>
<https://Menulismenconteng.My/Pak21-Pelbagai-Bahan-Pendidikan-Abad-Ke-21/>